

**TEKS UCAPAN**  
**YANG DIPERTUA MPSP**  
**MAJLIS PENYERAHAN SIJIL THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS**  
**8 SEPTEMBER 2016 (KHAMIS), JAM 3.00 PETANG**  
**THE GRAND BALLROOM, TINGKAT 1,**  
**HOTEL IXORA, JALAN BARU, PERAI**

---

**Yang Berhormat Tuan Prof. Dr Ramasamy A/L Palanisamy**  
Timbalan Ketua Menteri 2 Pulau Pinang

**Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Sr Hj Rozali Bin Mohamud**  
Setiausaha Perbandaran,  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Dihormati Christopher Wong Hong Wai**  
Director of Operation The Malaysia Book of Records

**Yang Dihormati Ketua - Ketua Jabatan**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Pegawai - Pegawai MPSP

Rakan - rakan Media

Tuan - tuan dan Puan - puan hadirin sekalian

.....  
**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**Salam Sejahtera dan Selamat Petang**

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama pada petang ini untuk Majlis Penyerahan Sijil *The Malaysia Book Of Records*. Terlebih dahulu saya bagi pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Tuan Prof. Dr Ramasamy A/L Palanisamy, Timbalan Ketua Menteri 2 Pulau Pinang dan semua yang hadir pada petang ini.

Untuk makluman YB dan para hadirin sekalian, MPSP telah memperolehi Persijilan Kualiti sejak tahun 1999, bermula dengan ISO 9002:1994 yang kemudian dinaiktaraf kepada ISO 9001: 2000 pada tahun 2003. Selepas pertukaran kepada ISO 9001: 2008, MPSP juga telah membuat pertukaran mengikut standard dan memperolehi persijilan ISO 9001:2008 pada Mac 2010.

Bagi Persijilan ISO 14001: 2004 (EMS), MPSP telah mendapat persijilan ini sejak tahun 2006, disusuli dengan persijilan OHSAS 18001:2007 (OSHMS) pada tahun 2013. Persijilan ISO 50001:2011 (EnMS) dan Persijilan 5S diperolehi pada tahun 2014. Terkini, adalah persijilan ISO/IEC 27001:2013 yang diperolehi oleh MPSP pada 25 Mac 2016.

Dengan adanya Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013, MPSP menasaskan pengurangan risiko keselamatan maklumat agar perkhidmatan MPSP dapat diberikan secara berterusan. Ianya juga dilaksanakan untuk memelihara keselamatan asset informasi MPSP yang terdiri daripada Manusia, Fizikal (*Hardcopy*), *SoftCopy*, Sistem. Dasar ISMS MPSP adalah MPSP komited untuk menjamin dan mempertingkatkan keselamatan maklumat mengikut peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan kerahsiaan (*confidentiality-c*), ketepatan dan kelengkapan maklumat (*integrity-i*) dan ketersediaan maklumat (*availability-a*) bagi menjaga kepentingan kakitangan dan *stakeholders*.

Untuk makluman YB dan para hadirin sekalian, apabila MPSP telah mempunyai enam (6) persijilan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti, kita telah mengorak langkah untuk menambahbaik pelaksanaan dan dokumentasi sistem ini dengan membuat integrasi bagi empat (4) sistem, iaitu QMS, EMS, OSHMS dan EnMS. Sistem Pengurusan Berintegrasi (IMS) MPSP dikuatkuasakan pada 1 Mei 2016 dengan skop:

- (i) Pengurusan Perkhidmatan MPSP Di Seberang Perai meliputi:
  - a) Kelulusan dan Kawalan Pembangunan

- b) Penilaian Harta Berkadar
- c) Penyelenggaraan Pembersihan
- d) Penyelenggaraan Landskap
- e) Pelesenan

(ii) Pengurusan Tenaga:

- a) Elektrik di Bangunan Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda

lanya adalah selari dengan Dasar Sistem Pengurusan Kualiti & Inovasi MPSP yang turut dikemaskini pada 1 Mei 2016.

YB dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Sebelum ini, empat sistem yang dilaksanakan mempunyai skopnya adalah berbeza antara satu sama lain. Fokus diberi khusus hanya kepada satu sistem yang dilaksanakan secara berasingan. Dengan integrasi, skop telah dikemaskini dengan mengguna pakai satu skop yang sama seperti yang saya sebutkan tadi. Penambahbaikan yang dibuat termasuklah juga dengan penggunaan dokumentasi gunasama yang mana telah mengurangkan jumlah dokumentasi yang perlu disediakan.

Untuk makluman YB dan para hadirin sekalian juga, pada tahun lepas, MPSP telah disenaraikan dalam The Malaysia Book Of Records (MBR) atas pencapaian sebagai PBT Pertama mendapat lima (5) Persijilan Sistem Pengurusan Kualiti. Pada tahun ini, MPSP sekali lagi disenaraikan dalam The Malaysia Book Of Records (MBR) atas pencapaian sebagai PBT Pertama mendapat enam (6) Persijilan Sistem Pengurusan Kualiti. Persijilan kualiti yang diperolehi adalah bagi membantu MPSP memudahkan pelaksanaan perancangan yang dibuat, Oleh itu, program-program kualiti digerakkan di MPSP dan dilaksanakan secara berterusan dengan penambahbaikan dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan tugas. MPSP berusaha untuk melaksana dan mendapatkan persijilan kualiti bukan untuk mengejar persijilan semata-mata. Sistem kualiti ini memberi garis panduan kepada MPSP dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti daripada perkhidmatan teras dan sokongan dengan turut mengambil kira aspek alam sekitar, keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta penjimatan tenaga.

YB dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Dunia hari ini bercakap mengenai *Sustainable Development Goals (SDGs) atau New Urban Agenda 2030*. MPSP sebuah pihak berkuasa

tempatan tidak ketinggalan untuk memahami dan menitikberatkan SDGs dari segi pembangunan bandar yang mana ianya mempunyai 17 matlamat. Sebagai sebuah kerajaan tempatan, MPSP menekankan kepada SDGs 11 iaitu menjadikan bandar dan penempatan komuniti inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan. MPSP komited untuk melaksanakan matlamat pembangunan lestari atau SDGs dalam 6 dimensi utama iaitu manusia, planet, kemakmuran, keamanan, kerjasama, dan maruah atau jati diri. Oleh itu, saya berharap dengan adanya penglibatan daripada semua pihak 4Ps' (*Public, Private, People, Partnership*), kita dapat berganding bahu bersama-sama untuk merealisasikan matlamat ini.

Atas usaha MPSP yang tidak mengenal jemu untuk merancang pembangunan mampan dan menyediakan kemudahan infrastruktur yang lebih selesa kepada *Stakeholders*, MPSP juga telah mengadakan *smart partnership* serta menjalin hubungan antarabangsa dengan beberapa buah negara untuk berkongsi pengetahuan serta Amalan Terbaik untuk dipraktikkan. Antara projek yang telah dijalankan adalah Projek *Urban Renewal of Bukit Mertajam*. Projek ini adalah kerjasama di antara MPSP, City of Yokohama, JICA, Yokohama City University, USM dan Yokohama-Seberang Perai Friendship Committee bagi mewujudkan garis panduan reka bentuk bandar bagi Bandar Bukit Mertajam. Projek

ini bertujuan bagi mengukuhkan peranan Bandar Bukit Mertajam sebagai *wholesale centre* dan pada masa yang sama mengetengahkan nilai warisan dan budaya yang ada di dalam bandar tersebut melalui usaha-usaha reka bentuk bandar. Satu *pilot project* dirancang bagi perlaksanaan dalam tempoh kajian 3 tahun ini. Projek perintis ini akan menetapkan platform bagi projek-projek lain bagi pembangunan semula Bandar Bukit Mertajam. 4 Pegawai daripada Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Bangunan dan Jabatan Kejuruteraan telah dihantar menjalani latihan di Yokohama, Jepun dan mereka telah didedahkan dengan pengalaman sebenar Bandar Yokohama di dalam mengaplikasikan aspek reka bentuk bandar di dalam perancangan bandar dan pemuliharaan bangunan bersejarah. Hasil daripada latihan ini adalah penting bagi memberi peluang kepada para pegawai MPSP untuk bertukar pandangan bersama pihak Yokohama serta membina hubungan profesional bersama pihak luar dan mengaplikasikan bagi pelaksanaan projek di Bukit Mertajam khususnya dan seterusnya ke seluruh Seberang Perai.

YB dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Pelbagai pengiktirafan serta penghargaan telah diterima di atas usaha-usaha yang telah dilaksanakan selama ini. MPSP turut diberi

penghormatan sebagai *Speaker* dalam persidangan/seminar, program peringkat kebangsaan dan antarabangsa untuk berkongsi pengetahuan dengan peserta-peserta dalam persidangan/seminar/pogram yang diadakan.

Kejayaan MPSP di peringkat Malaysia dan antarabangsa telah dimuatkan dalam pelbagai penerbitan seperti:

- ***Penang Monthly Magazine on February 2012 Issue 2.12 titled Seberang Perai The Adopted Child Matures***
- ***Penang Monthly Magazine on April 2012 Issue 4.12 titled The Women Issue***
- ***Malaysia Who's Who Constitution Government & Politics, book volume II of 2013/2014 edition***
- ***World Best Practices Magazine, Gwangju News Magazine on May 2014 titled Madam Maimunah Mohd Sharif, creating a Malaysia Human Rights City***
- ***Awarded as Best City Manager on 1-4 July 2014 at The Best City and Best City Manager in Stresa, Italy.***

- **CityVoices Magazine Vol.06No.02** Autumn/ Winter 2015 titled *A positive Change towards the New Butterworth Urban Regeneration Plan in Seberang Perai*
- **Gov Insider Online Magazine**, 6 Jan 2016 by Medha Basu titled *Seberang Perai Mayor wants smart parking app.*
- **The Star Paper on 4 March 2016**, Friday titled *Women is charge, Dato' Maimunah Mohd Sharif is proving that she is a force to be reckoned with as she rings in the changes.*
- **CityVoices Magazine Special Edition Vol.07No.01** Spring/Summer 2016 titled *Smart Monitoring System (SMS)*
- **Gov Insider Online Magazine**, 5 May 2016 by Medha Basu titled *How do they fare? Govt complaints apps compared*
- **World Best Practices Magazine, Asia Pacific Edition Spring/ Summer 2016** Vol.26 titled *Seberang Perai: Guiding By the Sustainable Development Goals, No One Left Behind*

Saya amat berbangga bahawa MPSP telah menjadi pihak berkuasa tempatan pertama yang menerima lima (6) persijilan bagi Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti MPSP dan kini telah disenaraikan dalam *The Malaysia Book Of Records*. Dengan adanya 6 persijilan ini,

MPSP sedia bergerak ke arah pentadbiran bertaraf antarabangsa selari dengan hasrat Kerajaan Negeri. Kejayaan MPSP pada hari ini adalah atas komitmen padu daripada semua pihak pengurusan dan warga kerja MPSP sendiri. Saya berterima kasih kepada mereka kerana telah menyokong dan membantu saya agar MPSP dapat melangkah menjadi sebuah PBT bertaraf Antarabangsa. Saya juga berharap semoga kita dapat memupuk kerjasama yang erat bersama-sama dengan semua pihak agar MPSP sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang dapat mencapai sasaran *International & Intelligent City* yang selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang lebih Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat.

Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.